

IMPLIKASI PENGAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA ATAU BAHASA ASING TERHADAP BUDAYA

Ratnawati Mohd. Asraf

Abstrak

Makalah ini membincangkan implikasi mengajarkan bahasa Inggeris terhadap budaya dan sejauh mana kita harus mengajarkan budaya Inggeris atau Barat apabila mengajarkan bahasa ini. Juga dibincangkan adalah sebab-sebab mengapa orang Islam mengambil berat akan implikasi mengajarkan bahasa Inggeris terhadap budaya, dan mencadangkan bagaimana kita boleh menangani isu budaya apabila mengajarkan bahasa Inggeris. Akhir sekali, makalah ini membicarakan bahawa walaupun bahasa Inggeris berakar umbi budaya Yahudi-Kristian, dan sering dianggap sebagai laluan utama nilai Barat atau sekular, mempelajari bahasa Inggeris tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam, dan pelajar boleh menguasai bahasa Inggeris tanpa mengambil budayanya. Umat Islam harus menganggap bahasa Inggeris sebagai suatu bahasa penting yang patut dikuasai kerana bahasa ini adalah bahasa utama untuk memperoleh kebanyakan daripada ilmu kontemporari.

Abstract

This paper discusses the cultural implications of teaching English as a second or foreign language, and the extent to which we should teach English or Western culture when we teach the language. It also discusses the reasons as to why Muslims are concerned about these cultural implications, and proposes how we can deal with the issue of culture when teaching English. It argues that although English is rooted in the Judeo-Christian culture, and often viewed as a primary vehicle for the transmission of Western or secular values, the learning of English is not in conflict with Islamic values, and that a learner can become proficient in English without having to adopt its culture.

Muslims should regard English as an important language to be mastered as it is a major language through which we acquire much of contemporary knowledge.

PENDAHULUAN

Dalam beberapa dekad yang lalu, perbincangan tentang pengajaran bahasa tertumpu pada keperluan untuk mengajarkan budaya semasa mengajarkan bahasa kedua atau bahasa asing. Ini telah ditekankan, terutamanya oleh mereka yang melihat bahasa sebagai amalan sosial. Menurut penyokong pandangan ini, matlamat utama mengajarkan bahasa kedua atau bahasa asing adalah untuk membolehkan pelajar menggunakan bahasa tersebut untuk tujuan komunikasi, dengan matlamat akhirnya untuk membolehkan pelajar ini berfungsi dengan baik dalam masyarakat sasaran (lihat Kramsch, 1983). Ini memerlukan individu tersebut memahami konteks sosial yang menggunakan bahasa sasaran ini, di samping ilmu tentang peraturan bahasa dari segi sosiobudaya, dan juga ilmu tentang wacananya. Oleh itu, salah satu “tanggungjawab” guru ialah membiasakan pelajar dengan perlakuan yang dianggap wajar dari segi bahasa dan sosiobudaya oleh anggota masyarakat bahasa kedua atau bahasa asing. Dalam hubungan ini, budaya dengan itu menjadi teras pengajaran bahasa. Malah, bukan sahaja budaya bahasa kedua atau asing dianggap sangat penting, tetapi *penyesuaian* pelajar terhadap budaya tersebut juga dipandang penting. Ini ditekankan oleh Schumann (1976) yang menegaskan bahawa tahap akulturasi menentukan kecekapan bahasa pelajar. Tanpa akulturasi, Schumann berpendapat bahawa kecekapan mereka tidak lengkap.

Pandangan tentang bahasa sebagai amalan sosial, yang mengemukakan konsep kecekapan komunikasi yang banyak dibicarakan kebelakangan ini, telah menguasai pedagogi pengajaran bahasa sejak dua dekad lalu. Sebagai kesannya, kita lihat guru bahasa Inggeris di merata dunia menumpukan pengajaran bahasa Inggeris untuk tujuan komunikasi, menggalakkan pelajar bertingkah laku “dengan wajar dari segi bahasa dan sosiobudaya” menurut sudut pandangan penutur asli bahasa Inggeris. Dengan itu timbullah soalan: Apakah implikasi pandangan tentang pengajaran bahasa yang sedemikian terhadap kita umat Islam? Perlukah bahasa Inggeris diajarkan berdasarkan pandangan bahawa pelajar perlu dibantu *menyesuaikan* diri dengan budaya Barat atau England-Amerika? Apakah implikasinya pada umat Islam dari segi budaya apabila bahasa Inggeris diajarkan sebagai bahasa kedua atau bahasa asing?

Dalam makalah ini, saya akan cuba menjawab soalan-soalan penting ini. Saya juga akan membincangkan sikap pendidik Islam terhadap pengajaran “budaya Inggeris” atau budaya England-Amerika. Akhir sekali, saya akan menyarankan bagaimana umat Islam dapat menghadapi isu budaya ini apabila bahasa Inggeris diajarkan sebagai bahasa kedua atau bahasa asing.

Bahasa dan Budaya

Sebelum membincangkan kewajaran mengajarkan budaya apabila mengajarkan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing, izinkan saya menjelaskan konsep budaya secara ringkas dalam kaitannya dengan pengajaran bahasa Inggeris.

Adaskou, Britten, dan Fahsi menjelaskan pelbagai dimensi budaya yang mungkin terlibat dalam pengajaran bahasa. Pertama, terdapat aspek estetik yang mengaitkan sesuatu bahasa dengan, misalnya kesusasteraan, filem, dan muzik negara tertentu. Kedua, terdapat aspek sosiologi budaya yang mengaitkan bahasa dengan adat dan kebiasaan sesuatu negara. Ada pula aspek semantik budaya yang bahasanya merupakan rangkuman sistem konsep budaya berkenaan. Hal ini ada kaitannya dengan kosa kata bahasa tersebut, yang menentukan persepsi dan proses pemikiran budaya berkenaan. Akhir sekali, aspek pragmatik budaya yang menentukan jenis bahasa yang sesuai untuk konteks tertentu. Ini melibatkan, sebagai contoh, peraturan sopan santun, misalnya bagaimana menolak undangan dengan sopan, bagaimana menggunakan kata sapaan yang betul dan sebagainya.

Setengah pihak pula menyarankan supaya dimensi budaya yang lain diliputi semasa mengajarkan bahasa agar masyarakat daripada budaya yang berlainan memahami satu sama lain, untuk memotivasi pelajar, dan untuk memudahkan pelajar berasimilasi dalam masyarakat asing. Walau bagaimanapun, pengajaran bahasa Inggeris untuk tujuan komunikasi inilah yang menjadi tumpuan pedagogi bahasa Inggeris beberapa abad kebelakangan ini. Pengajaran bahasa bukan sahaja menekankan pengajaran tentang apa yang betul dari segi bahasa, tetapi yang lebih penting, apa yang betul dari segi sosiobudaya.

Setakat Manakah Kita Perlu Mengajarkan Budaya?

Berdasarkan perbincangan di atas, wajarlah kita meneliti apakah persoalan penting yang berkaitan dengan pengajaran bahasa Inggeris dalam masyarakat Islam. Setakat manakah umat Islam perlu ditenggelami budaya

“Inggeris”? Perlukah budaya Inggeris atau Barat diajarkan?

Umat Islam telah lama menyadari bahawa bahasa melambangkan budaya dalam aspek semantik. Malah menurut Islam, yang berlawanan dengan fahaman sekular moden, budaya dan pandangan hidup yang terangkum di dalamnya adalah produk agama. Dalam sebuah karya agungnya, “Konsep pendidikan dalam Islam”, Al-Attas, yang merupakan salah seorang pemikir terkenal dalam dunia Islam kontemporari, menegaskan bahawa bahasa sebenarnya mengutarakan pandangan hidup tertentu. Beliau membincangkan bagaimana bahasa-bahasa umat Islam telah diserapi unsur yang disebut beliau sebagai “kosa kata asas Islam”, yang mengutarakan pandangan hidup yang jelas berunsurkan Islam dalam minda umatnya. Kosa kata asas ini termasuklah konsep-konsep utama seperti Tuhan, agama, kebenaran, alam semula jadi, ilmu, pendidikan, hakikat, keadilan, kebebasan, pembangunan, kebahagiaan, dan sebagainya. Menurut Al-Attas (1980), penyerapan ini berlaku dengan berkembangnya Islam, dan tahap bahasa berkenaan menyerap kosa kata asas Islam bergantung pada tahap budaya dan intelektual penuturnya. Dengan cara ini, Al-Attas berpendapat bahasa umat Islam selain bahasa Arab telah “diislamkan”, yang bermaksud bahasa tersebut mengutarakan pandangan hidup Islam, yang seterusnya mempengaruhi perkembangan budaya dan tamadun mereka.

Menurut Al-Attas, pengislaman bahasa berlaku serentak dengan pengislaman minda dan wawasan tentang hakikat dan kebenaran sebagaimana yang ditanggap oleh minda. Beliau menerangkan bagaimana al-Quran yang diwahyukan telah membawa perubahan besar dalam bahasa Arab. Dengan itu, seperti yang ditegaskan oleh Al-Attas, bahasa sememangnya menggambarkan pandangan hidup. Kata dan ungkapan yang kita gunakan benar-benar menggambarkan budaya kita dan pengalaman yang kita alami. Ini jelas ketara pada bahasa umat Islam, yang kesemuanya mengandungi kosa kata Islam, yang menggambarkan pandangan mereka terhadap kehidupan dunia.

Sementara bahasa umat Islam diserapi kosa kata asas Islam, ini tidak pula berlaku pada bahasa Inggeris. Malah, kosa kata bahasa Inggeris dan beberapa bahasa Barat lain seperti bahasa Perancis, Jerman, Belanda dan sebagainya – telah ditentukan oleh pandangan hidup agama Yahudi-Kristian dan juga pandangan hidup Yunani-Romawi dan Eurosentrik (lihat Al-Attas, 1978, 1980). Misalnya, konsep ilmu seperti yang digarap oleh bahasa Inggeris merujuk kepada apa yang dapat digarap oleh minda yang rasional tentang dunia rasional dan empirik; ini tidak meliputi ranah keagamaan dan kerohanian yang pada umumnya diasingkan dalam alam kepercayaan. Bagi

orang Islam yang teguh kefahaman agamanya, ilmu (*ilm*) bukan sekadar meliputi alam deria dan alam nyata, tetapi lebih penting lagi, alam rohani. Begitu juga konsep kebahagiaan yang merupakan konsep asas dalam bahasa Inggeris dan bahasa Barat lain; kini konsep tersebut merujuk khususnya kepada kepuasan dalam memenuhi keperluan fizikal dan emosi, yang bersifat sementara dan sukar dicapai. Menurut Islam pula, kebahagiaan (*saadah*) pada dasarnya merujuk kepada keadaan jiwa yang kekal setelah mencapai kepastian tentang perkara yang paling penting wujud, melalui kehidupan yang selaras dengan kepastian itu. Tambahan pula, oleh sebab kebahagiaan merujuk kepada keadaan jiwa yang kekal, maka kebahagiaan dapat dialami di dunia ini dan juga di akhirat (Al-Attas, 1978).

Di samping kosa kata, ungkapan dalam sesuatu bahasa juga menggambarkan pandangan hidup yang tertentu. Sebagai contoh, cuba kita fikirkan suatu ungkapan Inggeris yang biasa digunakan. Saya pasti kita semua biasa dengan ungkapan “Good luck”, yang biasa disebut oleh penutur asli bahasa Inggeris apabila mereka mahu mendoakan seseorang agar berjaya dalam sesuatu yang akan dilakukan. Malah, oleh sebab sudah amat biasa, orang Islam pun sering juga menyebutnya apabila bercakap dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, jika kita berhenti sejenak dan merenung apakah sebenarnya maksud ungkapan ini, akan kita dapati bahawa ungkapan itu membawa erti bahawa segalanya berlaku kerana nasib. Seterusnya jika kita menanya diri sendiri adakah ungkapan sedemikian terdapat dalam bahasa kita, besar kemungkinan kita tidak akan menemukan yang seumpamanya, terutamanya jika bahasa ibunda kita telah diserapi “kosa kata Islam” yang disebut oleh Al-Attas. Hakikat bahawa ungkapan sedemikian tidak wujud dalam bahasa kita mungkin kerana menurut pandangan kita, segalanya berlaku bukan kerana nasib.

Biar saya terangkan hal ini dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai contoh. Jika saya perlu mencari ungkapan Melayu yang boleh dianggap sebagai terjemahan atau padanan terdekat bagi “Good luck”, saya kira tiada. Dalam situasi sedemikian, orang Melayu akan semacam berdoa dalam bahasa Melayu agar seseorang itu berjaya. Begitulah juga ungkapan “Selamat Tinggal” yang lebih kurang bermaksud “Semoga selamatlah anda yang saya tinggalkan”, dan “Selamat Jalan” yang lebih kurang bermaksud “Semoga selamatlah anda yang akan pergi”. Keduanya mungkin berasal daripada doa “Semoga Allah pelihara kamu yang saya tinggalkan, dalam keselamatan” dan “Semoga Allah pelihara kamu yang akan pergi, dalam keselamatan.” Walaupun ramai penutur asli Melayu – terutamanya yang biasa bertutur bahasa Inggeris – mengaitkan kedua-

dua ungkapan ini dengan tafsiran sekular, “Goodbye”, namun pada pandangan saya kedua-dua ungkapan tersebut mungkin sekali berasal daripada doa, yang menandakan suatu zaman ketika pola wacana orang Melayu lebih menggambarkan unsur keislaman.

Sementara terdapat banyak kata dan ungkapan Melayu yang berasal daripada bahasa Arab Islam, dan yang sebahagian besarnya masih mengungkapkan pandangan hidup Islam, bahasa Inggeris pula tidak mempunyai ungkapan sedemikian disebabkan berasal daripada bahasa Yahudi-Kristian dan Yunani-Romawi. Walaupun umat Islam sering menggunakan kosa kata Islam seperti *taqwa*, *hikmah* dan sebagainya ketika berkomunikasi dalam bahasa Inggeris untuk menyatakan konsep yang tidak mampu diungkapkan dalam bahasa Inggeris, kata-kata ini pada dasarnya diucapkan oleh umat Islam sahaja, dan tidak menjadi sebahagian daripada bahasa Inggeris yang diterima. Harrell *et al.*, menekankan perbezaan pola wacana dalam bahasa Inggeris dan Arab. Misalnya dalam bahasa Inggeris, kata “God” biasanya digunakan ketika bersumpah, atau untuk situasi serius pada asalnya, manakala bahasa Arab pula menggunakan pelbagai kata yang merujuk kepada Tuhan dan merujuk kepada agama secara umum. Malah mereka juga menyatakan bagaimana penggunaan konsep kala menggambarkan pandangan hidup penutur asli Inggeris. Misalnya apabila penutur asli Inggeris merujuk masa hadapan, mereka merasakan tidak perlu untuk “melembutkan andaian bongkak mereka” yang mengatakan bahawa masa akan datang pasti berlaku, dan tidak perlu merayu kepada Tuhan yang Maha Pemurah pada ketika berkenaan dengan mengatakan “God willing”. Sebaliknya, umat Islam pula akan sentiasa menyelitkan ungkapan seperti “jika Allah izinkan” atau “dengan izin Allah”.

Demikianlah kosa kata dan pola wacana manusia membayangkan nilai dan kepercayaan mereka. Sementara bahasa umat Islam menggambarkan pandangan hidup Islam dalam pelbagai kata Islam yang digunakan, bahasa Inggeris pula pada asasnya bersifat Yahudi-Kristian atau Eurosentrik kerana bahasa ini berasal daripada agama Kristian, walaupun banyak pihak mendakwa bahasa Inggeris moden sebahagian besarnya telah disekularkan. Dalam konteks ini, kita mungkin boleh mengatakan benarlah pandangan bahawa mengajarkan bahasa sebenarnya mengajarkan pandangan hidup dan budaya tertentu. Sungguhpun demikian, adakah ini bermakna kita harus mengajarkan bahasa Inggeris dengan matlamat untuk membolehkan pelajarinya *menyesuaikan diri* dengan pandangan hidup dan budaya Barat seperti yang disampaikan dalam bahasa Inggeris, walaupun inilah sebenarnya penekanan dalam pengajaran bahasa sejak beberapa dekad kebelakangan ini?

Kramsch (1993:44) telah menyatakan, “Dalam mengajarkan bahasa asing, kita seharusnya memberikan tumpuan pada pola wacana bahasa ibunda pelajar dan membantu mereka menerapkan pola wacana bahasa baru.” Persoalannya ialah: Haruskah kita, semasa mengajarkan bentuk-bentuk wacana penutur asli Inggeris, memaksa mereka mengamalkannya? Perlukah pelajar kita terakulturasi ke dalam budaya “Inggeris” sebelum mereka boleh dianggap cekap dalam bahasa Inggeris, sebagaimana yang dipersoalkan oleh Schumman? Bukankah seharusnya kita pisahkan ilmu *tentang* pandangan hidup dan budaya daripada pengamalan budaya berkenaan? Sebagai orang Islam, eloklah kita tahu apa yang dianggap oleh penutur asli Inggeris sebagai perlakuan yang baik dari segi sosiobudaya, tetapi ini tidak bermakna mudah – ataupun perlu – bagi kita menyerap pola wacana atau perlakuan yang dianggap baik oleh penutur asli bahasa Inggeris.

Cuba kita perhatikan contoh berikut. Dalam usaha belajar bahasa Inggeris, pelajar Islam mungkin diajar bahawa cara yang betul untuk bereaksi apabila dipuji ialah dengan mengucapkan, “Terima kasih”. Walau bagaimanapun, ilmu tentang apa yang perlu dikatakan tidak semestinya menghasilkan perlakuan yang “diharapkan” pada pelajar. Misalnya, apabila seorang wanita Islam menerima pujian tentang pakaiannya daripada seorang guru lelaki, ia mungkin berasa janggal walaupun pujian tersebut ikhlas. Oleh itu, ia mungkin tidak memberikan reaksi dengan mengucapkan “terima kasih”, tetapi menidakkan pujian tersebut atau dengan mengatakan sesuatu yang dianggap kurang sesuai oleh penutur asli Inggeris, misalnya “Ini baju Pakistan”, yang pada pendapat guru berkenaan memang sudah jelas. Walaupun ia sudah diajar bahawa mengucapkan “terima kasih” adalah yang paling baik dalam situasi demikian, tetapi melakukannya bukanlah mudah kerana orang Islam tidak menganggap memberikan pujian kepada seseorang yang berlainan jantina sebagai suatu perlakuan yang wajar. Peraturan sosiobudaya yang sudah biasa bagi orang Islam ini mungkin tidak biasa bagi penutur asli bahasa Inggeris. Oleh yang demikian, apabila penutur Inggeris beragama Islam berbual dengan penutur asli Inggeris, tetapi tidak mengamalkan perlakuan sosiobudaya yang “diharapkan” atau “diterima” dari sudut pandangan penutur asli, maka hal ini dilihat sebagai “tidak baik” oleh penutur asli bahasa Inggeris, atau dalam sesetengah keadaan, dianggap biadap. Oleh itu, kita perlu mempersoalkan kewajaran mengajarkan bahasa Inggeris dengan tujuan membantu pelajar ke arah matlamat “perlakuan sosiobudaya yang dianggap sesuai”. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Kramsch (1993:181):

“Kemampuan untuk berkelakuan seperti orang lain tidak menjamin dirinya akan diterima dengan lebih mudah oleh kumpulan yang menuturkan bahasa berkenaan, dan tidak juga menjamin mereka saling memahami. Contoh yang menyedihkan ditunjukkan oleh banyak pendatang dari Asia dan Amerika Latin atau penduduk asli Amerika di Amerika Syarikat, yang kemahiran sosiolinguistiknya mungkin dapat membantu, tetapi tidak sama sekali menjamin integrasi sosial bagi mereka.”

Mengetahui bagaimana untuk berbual dengan sopan dan bagaimana untuk menyapa dengan sopan pastinya akan berguna bagi pelajar Islam – terutamanya jika mereka berbual dengan penutur asli bahasa berkenaan. Walau bagaimanapun, adakah wajar menekankan matlamat ini dalam pengajaran bahasa Inggeris? Perlu diingat bahawa bukan semua orang Islam belajar bahasa Inggeris untuk tujuan berhijrah ke negara berbahasa Inggeris atau dengan harapan dapat mengasimilasikan diri dalam masyarakat berkenaan. Jika pun benar, tidaklah selalunya wajar untuk mengharapkan pelajar mematuhi peraturan yang dianggap baik dari segi sosiobudaya oleh penutur asli. Apa yang dianggap baik dari segi budaya oleh penutur asli mungkin tidak baik bagi pelajar Islam. Tambahan pula, ini seharusnya bukan merupakan satu-satunya tujuan belajar dan mengajarkan bahasa Inggeris. Malah, bagi orang Islam, ini mungkin merupakan tujuan yang paling tidak penting. Sungguhpun peraturan sosiobudaya berguna, namun peraturan ini boleh dipelajari dengan mudah semasa pelajar dalam situasi bahasa kedua atau asing. Lagipun, seperti yang dikatakan oleh Widdowson, fungsi komunikasi yang memerlukan ilmu tentang peraturan sosiobudaya, bersifat khusus budaya, sebagaimana bentuk-bentuk linguistik bersifat khusus bahasa. Jadi, “peraturan” ini berbeza antara sebuah negara dengan yang lain, malah juga antara komuniti yang berbeza dalam sesebuah negara; dan dengan itu tidak mudah dibuat rumus umum seperti bentuk-bentuk linguistik. Akhir sekali, perlu diingat bahawa sebahagian besar pelajar Islam mungkin tidak akan menemukan keadaan yang memerlukannya berinteraksi dengan penutur asli Inggeris. Oleh yang demikian, bagi orang Islam, mengajarkan bahasa Inggeris *hanya* untuk tujuan komunikasi mungkin bukan tujuan yang paling wajar mengajarkan bahasa tersebut. Ini membawa kita kepada satu persoalan: Jika mengajarkan bahasa Inggeris terutamanya untuk tujuan komunikasi bukan menjadi matlamat yang paling wajar mengajarkan bahasa berkenaan, maka apa pula matlamatnya?

Pada pandangan saya, mungkin matlamat yang paling penting dalam mengajarkan bahasa Inggeris adalah untuk membolehkan pelajar

menggunakannya untuk memperoleh ilmu moden. Tidak dapat dinafikan bahawa kini bahasa Inggeris merupakan bahasa penyalur bagi kebanyakan ilmu moden. Sebagaimana yang dinyatakan dalam Laporan Tahunan 1989/90:6 British Council:

“Bahasa Inggeris mempunyai tempat yang tinggi dalam bidang sains, teknologi, perubatan, dan komputer; dalam penyelidikan, buku, periodikal, dan perisian; dalam perniagaan, perdagangan, perkapalan, dan penerbangan antara negara; dalam diplomasi dan organisasi antarabangsa ...”

Sungguhpun ilmu moden tidak bersifat neutral, bahkan pada umumnya sekular dari segi orientasi, namun perlu bagi golongan orang Islam yang tertentu benar-benar mahir dalam bahasa Inggeris untuk memperoleh ilmu ini supaya boleh dimanfaatkan untuk umat Islam. Malah, menjadi tanggungjawab kita untuk menyahsekularkan dan seboleh-bolehnya mengislamkan ilmu moden yang kebanyakannya disampaikan dalam bahasa Inggeris.

Implikasi Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua atau Bahasa Asing terhadap Budaya

Perbincangan dalam bidang pengajaran bahasa sejak beberapa dekad kebelakangan ini telah tertumpu pada peri pentingnya menekankan konteks sosial apabila mengajarkan bahasa (dalam kes kita, bahasa Inggeris). Barangkali pada waktu ini, amat sesuai kita bincangkan implikasi pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing dari sudut budaya. Apakah ada implikasi budaya pada orang Islam akibat pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing atau bahasa kedua? Adakah pelajar akan berubah budayanya apabila ia belajar bahasa Inggeris? Persoalan ini amat penting bagi kita kerana bagaimana pandangan kita tentang isu ini akan menentukan jenis-jenis dasar yang akan kita laksanakan dan keputusan yang akan kita buat berkaitan dengan pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing atau kedua.

Memperkecil Budaya Ibunda: Bahasa Inggeris sebagai Alat Imperialisme Budaya

Boleh dikatakan pada umumnya orang Islam sentiasa mengambil berat tentang implikasi budaya akibat pengajaran bahasa Inggeris, atau lebih tepat

lagi, implikasi budaya yang mungkin berlaku akibat pengajaran bahasa Inggeris. Hyde, sebagai contoh, menyatakan bahawa di Maghribi, terdapat pendidik yang mendesak supaya bahasa Inggeris dipisahkan daripada budaya negara berbahasa Inggeris, dan sebaliknya, diajarkan sebagai alat perantara semata-mata – tidak lebih daripada sekadar usaha linguistik untuk mencapai tujuan tertentu. Beliau menyatakan sebabnya kerana di Maghribi, bahasa Inggeris sering dianggap sebagai alat imperialisme – satu tanggapan yang terhasil daripada pengalaman Maghribi yang begitu lama dijajah Perancis dan Sepanyol. Di samping itu, penggunaan bahasa Inggeris sering dikaitkan dengan imej: “bertutur bahasa Inggeris ialah kunci untuk mendapat pekerjaan”, “bertutur bahasa Inggeris merangkaikan anda dengan masyarakat antarabangsa”, “bertutur bahasa Inggeris bermakna kemodenan”, dan sebagainya (Hyde, 1994). Bahayanya perlambangan ini, sebagaimana yang dirasakan oleh pendidik berkenaan, ialah timbulnya bahawa budaya dan bahasa ibunda pelajar digambarkan sebagai terkebelakang dan tidak mampu menjadi moden. Dengan demikian, penyahbangsaan dari sudut budaya, atau penghakisian kepercayaan terhadap kemampuan bahasa dan budaya sendiri untuk menangani dunia moden, menjadikan mangsanya sentiasa “mengharap belas simpati kuasa penjajah budaya seperti ELT (English Language Teaching)” (Hyde, 1994:296). Selain Maghribi, negara-negara Arab lain di Afrika Utara nampaknya melalui pengalaman yang sama juga dengan bahasa asing mereka. Schuman (1994:69), misalnya, melaporkan bahawa bahasa asing, sama ada bahasa Inggeris atau Perancis, menjadi keperluan untuk mencapai prestij tertentu dalam masyarakat: “Untuk menjadi orang bandar yang canggih, individu hendaklah menggunakan bahasa asing; bahasa Arab dianggap oleh kebanyakan orang lebih rendah tarafnya daripada bahasa Inggeris”. Schuman mendakwa bahawa kebergantungan negara-negara ini pada Barat dari sudut bahasa disebabkan oleh kebergantungan mereka dari segi budaya yang bermula apabila Perancis dan England menguasai rantau berkenaan. Maghribi, Algeria, dan Tunisia terletak sepenuhnya di bawah pengaruh penjajah Perancis yang berpegang pada dasar “mendidik golongan elit negara jajahan supaya bercakap dan berfikir seperti orang Perancis”.

Pandangan bahawa bahasa Inggeris telah digunakan sebagai alat imperialisme budaya dipegang juga oleh masyarakat lain. Sewaktu membincangkan pengajaran bahasa Inggeris di Afrika, Heiman (1994:69) mengatakan bahawa:

“... Pengajaran hanya bahan persuratan Eropah di sekolah-sekolah kita bermakna setiap hari pelajar kita diasak dengan gambaran Eropah tentang dirinya sendiri, imej Eropah, dalam sejarah. Anak-anak kita

dipaksa melihat, mengkaji, dan menilai dunia sebagaimana yang dipaparkan dan dilihat oleh orang Eropah. Lebih buruk lagi, anak-anak ini dipaksa berhadapan dengan imej diri mereka sendiri dan sejarah mereka yang dipesongkan sebagaimana yang digambarkan dan ditafsir dalam persuratan imperialis Eropah.”

Penyahbangaan budaya di beberapa banyak negara ini boleh dianggap sudah begitu teruk sehinggakan Mazrui (1968:129), sewaktu membincangkan keadaan di Afrika Barat, telah menyatakan bahawa, “Pendidikan bagi kebanyakan orang sekadar bermakna kemampuan bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris.” Pandangan yang sama juga dinyatakan oleh Chishimba (1981:171) yang pernah menyebut bahawa kunci untuk berjaya dalam pendidikan menengah semasa zaman penjajah di Afrika ialah “kemampuan seseorang untuk mengubah mindanya dari sekitaran setempat kepada sekitaran Eropah”. Dengan demikian, definisi “terpelajar” dilihat dari sudut pendidikan Barat, dan oleh itu, dari sudut kemampuan seseorang dalam bahasa Inggeris atau bahasa Eropah lain. Bertutur bahasa Inggeris dan bersifat intelek dianggap hampir sama.

Begitulah keadaannya bagi mereka di bawah pemerintahan penjajah. Pandangan mereka tentang bahasa Inggeris dan pendapat mereka tentang budaya berkenaan menunjukkan bagaimana mendalamnya kesan penjajahan. Sebagaimana yang disebut oleh Ngugi (1985:118):

“Kolonialisme mengenakan kawalannya terhadap penghasilan kekayaan dari sudut sosial melalui kuasa tentera dan seterusnya melalui pemerintahan politik secara kuku besi. Tetapi aspek penguasaannya yang paling penting ialah penguasaan terhadap minda penduduk yang dijajah, kawalannya melalui budaya, kawalan terhadap bagaimana penduduk asli menanggapi diri mereka sendiri dan hubungannya dengan dunia.”

Oleh itu, kolonialisme mempunyai kesan yang paling besar terhadap minda mereka yang diperintah. Walau bagaimanapun, pengalaman negara-negara berkenaan dengan kolonialisme inilah yang akhirnya membawa mereka kepada perjuangan menentang penjajah. Malah, perjuangan menentang kuasa penjajah – yang merupakan faktor penyatu dalam Islam – terus mempengaruhi minda dan sikap generasi Islam Arab untuk menentang segala sesuatu yang berunsur Barat. Setelah negara-negara ini mencapai kemerdekaan, mereka berusaha untuk menghapuskan kesan negara penjajah, termasuklah pengaruh budaya dan bahasanya.

Perkaitan bahasa Inggeris dengan kolonialisme dan imperialisme telah menimbulkan penentangan terhadap bahasa Inggeris dari segi sikap di sesetengah negara Islam, malah juga di negara lain yang pernah dijajah. Fishman mendakwa bahawa penentangan ini dijangka akan berkurangan apabila generasi baharu sedikit demi sedikit tidak lagi mendukung ideologi ibu bapa dan guru mereka semasa berjuang untuk mencapai kebebasan politik dan budaya. Sungguhpun demikian, disebabkan imperialisme budaya oleh Barat terus berlaku pada penduduk yang dahulunya dijajah ini, malah lebih buruk lagi kesannya dalam neokolonialisme, sebahagian besar sikap terhadap bahasa Inggeris dan sikap yang mempengaruhi motivasi mereka untuk mempelajari bahasa Inggeris masih kekal wujud.

Kesan Belajar Bahasa Inggeris dari Segi Sosial

Satu lagi perkara yang diberi perhatian utama oleh umat Islam tentang bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing ialah hakikat bahawa semasa belajar bahasa tersebut, pelajar akan mengasimilasi sistem nilai Barat. Mazrui (1971) sebagai contoh, telah mendapati bahawa di kawasan sub-Sahara di Afrika, kebanyakan umat Islam, terutamanya pemimpin agama, “berasa agak bimbang tentang bahasa Inggeris sebagai faktor perubahan budaya”. Menurut Mazrui, faktor-faktor utama di sebalik sikap ini ialah sekolah bahasa Inggeris yang berasaskan mubaligh Kristian, dan kedudukan bahasa Arab yang tinggi sebagai bahasa agama. Tambahan pula, di beberapa banyak negara, hubungan antara bahasa Inggeris dan agama Kristian kuat terasa kerana hubungan pertama kali dengan bahasa tersebut adalah melalui mubaligh Kristian. Menurut Asmah Haji Omar, inilah hal yang berlaku di Malaysia antara orang Melayu pada zaman British yang bimbang tentang sekolah mubaligh Kristian, dan di benua India yang pengajaran bahasa Inggerisnya dirasakan oleh orang Islam sebagai ancaman kepada identiti budaya yang berasaskan Islam (lihat Hussain dan Asraf, 1979). Mungkin beberapa alasan lain yang mendasari sikap berkenaan ialah hubungan antara bahasa Inggeris dengan cara berfikir dan gaya hidup “Barat”, dan ketidakpekaan pedagogi dan buku-buku teks terhadap budaya Islam (Pennycook, 1994).

“Bahaya” menjadi “kebarat-baratan”, menjadi “orang Inggeris” atau menyerap “sistem nilai Barat” nampaknya diberi perhatian oleh mereka yang datang dari masyarakat bukan Barat juga. Misalnya, Fernando (1994:25) yang menegur tentang penggunaan bahasa Inggeris di Asia Tenggara berkata, “Bukanlah budaya Inggeris yang patut digeruni di Asia Tenggara....

Sebenarnya sesetengah tabiat berfikir Barat yang kini menyerap jauh ke dalam bahasa tersebut yang perlu lebih kita sedari”. Ndebele (1987:25) meluahkan kebimbangan ini lebih tegas lagi apabila beliau berkata bahawa di Afrika Selatan:

“... masalah masyarakat akan juga menjadi masalah bahasa utama masyarakat berkenaan. Bahasa ini merupakan penyalur tanggapan, sikap dan matlamat masyarakat tersebut, kerana melaluinya, penutur menyerap sikap yang sudah berakar umbi di dalamnya. Kebersalahan bahasa Inggeris haruslah disedari dan dihayati sebelum penggunaannya yang berterusan disokong.”

Keprihatinan orang Islam tentang perubahan budaya bukanlah tidak wajar kerana seperti yang dikatakan oleh Alptekin, oleh sebab penulis berkarya melalui kerangka yang bersifat khusus budaya, dan kerana kebanyakan penulis buku teks adalah penutur asli bahasa Inggeris, secara sedar atau tidak, mereka menyalurkan pandangan, nilai, sikap, dan perasaan masyarakat berbahasa Inggeris mereka sendiri. Oleh itu, apabila pelajar memperoleh wacana baru berbahasa Inggeris, “mereka menyerap sistem nilai yang terkandung dalam wacana berkenaan”. Pengalaman kita sendiri juga menyedarkan kita tentang banyak kes individu yang telah berubah budayanya, terutamanya mereka yang banyak membaca bahan berbahasa Inggeris. Apabila pelajar membaca buku, ia terdedah pada pemikiran penulis tentang hakikat, kebenaran, atau keindahan yang ditulis dengan gaya yang menarik pembaca kepada sudut pandangannya. Melalui buku, pelajar terdedah pada prinsip, nilai, dan pemikiran yang mungkin berbeza daripada yang dimilikinya. Dan lagi, semasa belajar dan menggunakan bahasa Inggeris untuk tujuan akademik, pelajar Islam akan menemukan banyak konsep penting seperti pendidikan, ilmu, kebebasan, dan sebagainya yang penuh dengan pandangan hidup sekular Yahudi-Kristian atau Yunani-Romawi. Dalam menangani konsep-konsep ini, pandangan hidup sekular Yahudi-Kristian atau Yunani-Romawi inilah yang mungkin tertonjol dalam minda orang Islam jika mereka tidak kukuh dengan pandangan hidup Islam sendiri. Oleh itu, jika ia hanya terdedah pada hasil tulisan Barat, besar kemungkinan ia akan menerima idea-idea Barat kerana pandangan hidupnya akan dipengaruhi oleh penulis karya berkenaan. Sungguhpun demikian, mungkin terburu-buru, malah mungkin juga silap jika kita membuat kesimpulan bahawa belajar bahasa Inggeris akan menyebabkan seseorang menjadi kebarat-baratan, walaupun memang wujud kemungkinan tersebut. Apa yang perlu

diingat ialah bahawa mereka yang sudah terakulturasi dengan budaya “Inggeris” mungkin mengalami keadaan sedemikian disebabkan ketiadaan sebarang faktor sosialisasi lain.

Oleh itu, orang Islam tidak perlu takut akan menjadi kebarat-baratan atau sekular jika mereka belajar bahasa Inggeris. Jika Islam bertindak sebagai faktor sosialisasi, dan pelajar disosialisasikan dengan pandangan hidup Islam, mungkin mereka tidak mudah dipengaruhi oleh idea dan nilai yang bertentangan dengan idea dan nilainya sendiri – walaupun kita perlu mengakui bahawa gambaran “kemajuan”, “kemodenan”, “prestij sosial”, “bertamadun” dan sebagainya yang dikaitkan dengan bahasa Inggeris menjadi cabaran besar dari segi kesan sosialnya pada orang Islam. Namun demikian, walaupun ketara cabarannya, seseorang itu masih boleh cekap berbahasa Inggeris dan pada masa yang sama mengekalkan identitinya sebagai orang Islam. Malah terdapat sebilangan besar orang Islam dalam kalangan kita sekarang dan juga orang Islam masa lalu, seperti Allama Muhammad Iqbal, Fazlur Rahman, Sayyid Muhammad Naquib al-Attas, Seyyed Hossein Nasr, dan Ismail al-Faruqi, antara yang amat terkenal, yang sangat mahir berbahasa Inggeris dan telah menggunakan kemahiran mereka untuk tujuan Islam: untuk menjelaskan isu-isu penting berkaitan dengan agama; untuk menghapuskan kekeliruan yang mungkin wujud dalam minda orang Islam; atau untuk tujuan dakwah Islam. Malah orang Islam yang amat memahami tradisi agama dan budaya dan tradisi Timur dan Barat mestilah mengadakan dialog serius secara aktif dengan rakan-rakan daripada tradisi agama dan budaya yang berlainan dalam bahasa Inggeris dan bahasa antarabangsa utama yang lain. Malah pada hari ini terdapat banyak institusi pengajian tinggi Islam di negara-negara Islam yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama penyelidikan dan pengajaran. Dalam konteks inilah juga kita memuji golongan minoriti Islam di Afrika Selatan dan di United Kingdom serta Amerika Syarikat yang bahasa pertamanya Inggeris, namun tetap kuat berpegang pada agama Islam dan budaya Islam. Ilmu tentang apakah Islam dan apakah yang penting dalam Islam inilah yang menghindarkan ramai orang Islam daripada terjerumus ke dalam apa yang dianggap “pembaratan”.

Implikasi Pengajaran Bahasa Inggeris di Negara-negara Islam

Isu yang saya bincangkan tadi telah sedikit banyaknya mempengaruhi sikap para pelajar terhadap pemelajaran bahasa Inggeris dan sikap para pendidik terhadap pelaksanaan dasar yang berkaitan dengan pengajaran bahasa

Inggeris. Sementara di satu pihak seseorang perlu sedar akan implikasi pembelajaran dan pengajaran bahasa Inggeris, dan “bahaya” tersosialisasi dengan budaya “Inggeris” atau Barat, namun kesedaran inilah yang telah menyebabkan sesetengah orang Islam bersikap negatif terhadap pembelajaran bahasa ini. Jika sikap negatif ini berterusan, iaitu bahasa Inggeris dilihat sebagai bahasa “orang kafir”, ini akan hanya merugikan orang Islam. Jika bilangan orang Islam yang mahir berbahasa Inggeris tidak memadai, kita tidak akan mampu mendapat faedah daripada ilmu yang amat berguna yang dipindahkan melalui bahasa Inggeris, dan kita tidak akan mampu bersaing dalam dunia antarabangsa. Jadi bagaimanakah kita harus menangani isu pengajaran bahasa Inggeris dalam masyarakat Islam?

Pemelajaran Bahasa Inggeris untuk Tujuan Memperoleh Ilmu Moden

Pertamanya, pembuat dasar mestilah mempertimbangkan semua implikasi bahasa dan dasar pendidikan mereka. Kedua, guru juga perlu jelas tentang matlamat pengajaran bahasa Inggeris dalam masyarakat Islam. Walaupun bahasa Inggeris tidak dianggap lebih penting daripada bahasa Arab atau bahasa ibunda pelajar, bahasa Inggeris hendaklah dilihat sebagai bahasa yang perlu dikuasai kerana merupakan bahasa utama yang menyalurkan beberapa banyak ilmu moden. Dan lagi, keutamaan memperoleh ilmu yang ditekankan oleh Islam hendaklah ditegaskan oleh guru untuk memotivasi pelajar supaya belajar bahasa Inggeris benar-benar untuk tujuan ini. Pelajar hendaklah dihindarkan daripada berpandangan bahawa bahasa Inggeris itu sendiri berbahaya; pelajar boleh belajar bahasa tersebut tanpa perlu menerima budaya “Inggeris” atau Barat yang mungkin bercanggah dengan nilai dan kepercayaan mereka. Semuanya bergantung pada individu untuk menggunakan bahasa Inggeris bagi tujuan yang bermanfaat. Dan bergantung pada gurulah untuk mengajarkan bahasa Inggeris dengan cara yang akan memotivasi pelajar, tanpa melemahkan atau memperkecil budaya Islamnya. Seseorang boleh menjadi mahir berbahasa Inggeris tanpa berubah budayanya.

Menghasilkan dan Menggunakan Bahan Persuratan dan Bahan Mengajar yang Melambangkan Pandangan Hidup Islam

Untuk menangani isu akulturasi, saya menyarankan supaya persuratan Islam dalam bahasa Inggeris yang melambangkan pandangan hidup Islam disediakan. Sudah terlalu lama pelajar Islam terdedah kepada bahan Barat

sahaja dalam usaha belajar bahasa Inggeris. Akibatnya, pandangan penulisnya tentang kebenaran, hakikat atau keindahan pula yang didedahkan kepada pelajar kita, dan wira, presiden, serta sarjana merekalah yang disanjung oleh anak-anak kita. Di samping itu, melalui bahasa Inggeris jugalah penyahislaman dan pensekularan ilmu telah berlaku.

Sudah sampai masanya keadaan ini dibetulkan. Perlulah dihasilkan persuratan Islam yang menyatakan pandangan hidup Islam dan pandangan Islam tentang kehidupan. Bahasa Inggeris perlu diajarkan dengan menggunakan tema Islam dan nilai Islam. Dan pelajar kita perlu diperkenalkan semula kepada warisan Islam mereka. Kita perlu menghasilkan bahan yang dapat meluahkan pandangan kita tentang dunia, bagaimana kita melihat kebahagiaan, bagaimana kita menghadapi tragedi, dan bagaimana kita menangani orang lain. Kita perlu mendorong para pelajar kita melalui cerita tentang sarjana agung kita, masa lalu dan sekarang, dan untuk memotivasi mereka supaya berazam ke arah impian yang unggul yang dituju oleh sarjana agung Islam. Kita perlu menunjukkan pemikiran, kehidupan, dan budaya orang Islam melalui bahasa Inggeris. Kita perlu membebaskan pelajar kita daripada berfikir bahawa budaya Barat semestinya hebat. Kita perlu melahirkan sudut pandangan kita dengan jelas melalui bahan persuratan kita sendiri. Kita perlu melakukan semua ini kerana tanpa bahan berunsur Islam dalam bahasa Inggeris yang dapat mengilhami, memotivasi, dan mencabar para pelajar kita, maka bahan Barat akan pastinya bertindak sebagai faktor sosialisasi yang utama.

Satu lagi sebab perlunya menyediakan dan menggunakan bahan berunsur Islam dalam bahasa Inggeris adalah kerana kebanyakan persuratan Inggeris yang lazim digunakan didapati tidak sesuai untuk keperluan pelajar. Seperti yang dikatakan oleh Phillipson (1992:117), sastera diajarkan di Britain berdasarkan suatu senarai buku “sukar” yang sudah ditetapkan, dan tradisi ini dieksport ke luar negara; “Guru dan nazir yang terlatih di Britain, tanpa soal jawab mengandaikan apa yang betul di Britain (terutamanya yang berkaitan dengan bahasa Inggeris) juga berguna di luar Britain”. Begitulah juga halnya di tempat lain di dunia yang ada diajarkan bahasa Inggeris. Misalnya di Afrika, Warner (1958) melaporkan bagaimana pelajar di sebuah universiti menghadapi masalah memahami teks British, “kerana sama sekali tidak biasa dengan latar belakang Inggeris, yang ditunjukkan melalui, contohnya, Father Christmas, jargon kriket, dan pondok kebun”. Dengan menggunakan teks berunsur Islam yang ditulis dalam bahasa Inggeris, guru akan memberi pelajar konteks yang biasa bagi mereka. Dengan itu, mereka lebih memahami bahan berkenaan dan dengan demikian mungkin akan

memberi respons dengan lebih bermakna. Memang sudah diketahui umum bahawa pembaca menggunakan skema yang khusus budaya dalam mengaitkan apa yang dibaca dengan apa yang sudah diketahui, dan akhirnya membentuk makna yang dihayati oleh penulis. Apabila latar belakang budaya yang berkaitan tidak dimiliki, aktiviti membaca akan menjadi pengalaman yang memakan masa, memenatkan, dan mengecewakan (lihat Brown, 1977).

Penggunaan Bahan Persuratan Berbilang Budaya

Sungguhpun saya mendesak akan perlunya penyediaan teks berbahasa Inggeris yang berunsur Islam, saya tidak bermaksud bahawa guru mesti bergantung sepenuhnya pada teks ini dan menolak semua teks “Barat” yang ditulis dalam bahasa Inggeris. Seharusnya guru menerima teks yang dirasakan sesuai untuk pelajarannya, dan bukannya menolak semua teks ini. Dengan cara ini, ia dapat mengadakan keseimbangan antara pelbagai jenis bahan bacaan yang didedahkan kepada mereka. Malah apa yang ingin saya cadangkan ialah ketika mengajarkan bahasa Inggeris dan sastera Inggeris, guru perlu turut menggunakan kedua-dua bahan, iaitu yang ditulis oleh dan tentang orang Islam, dan juga bahan dari sumber “Barat” dan budaya lain. Walau bagaimanapun, apabila membincangkan teks dari sumber Barat atau budaya lain, guru hendaklah menunjukkan bagaimana cara orang Islam melakukan sesuatu mungkin berbeza. Guru hendaklah membincangkan bagaimana sesuatu teks itu mewakili sudut pandangan penulis dan ideanya tentang kebenaran atau hakikat, yang mungkin tidak sama dengan sudut pandangan kita. Menekankan perbezaan pandangan hidup akan dapat membantu pelajar menghayati budayanya sendiri, dan dengan itu menunjukkan bahawa budaya Barat tidak semestinya lebih “hebat” daripada budayanya sendiri. Keduanya, seperti yang telah saya katakan, terdapat perbezaan dalam pola wacana Inggeris dan pola wacana bahasa ibunda pelajar. Perbezaan ini mestilah ditekankan supaya pelajar dapat faham akan perbezaan ini dan tidak terasa terpaksa setiap kali untuk memberi respons sebagaimana yang dianggap “baik dari segi sosiobudaya” oleh penutur asli Inggeris, tetapi memberi respons dengan cara yang dianggap baik oleh Islam.

Pengajaran bahasa Inggeris kepada orang yang bukan penutur asli Inggeris hendaklah berubah daripada sikap bergantung sepenuhnya pada bahan dan konteks yang berdasarkan budaya penutur asli Inggeris, kepada bahan dan konteks orang yang berbilang bangsa yang kini menggunakan bahasa berkenaan. Memandangkan bahasa Inggeris kini telah menjadi bahasa antara-bangsa, bahan persuratan dan pengajarannya hendaklah menggambarkan ciri

antarabangsa ini. Seperti yang dikatakan oleh Ndebele, “Idea mengajarkan bahasa Inggeris melalui pendedahan pelajar kepada budaya bahasa Inggeris hendaklah ditinggalkan. Jika bahasa Inggeris milik semua, maka ia secara semula jadi akan menyerap warna budaya penggunanya.”

KESIMPULAN

Bukanlah secara kebetulan bahasa Inggeris menjadi bahasa antarabangsa; ia telah berkembang sebagai unsur penting dalam tertib dunia sosioekonomi dan politik anjuran Barat. Oleh itu, sama ada kita suka atau tidak, bahasa Inggeris telah menjadi sebahagian daripada fenomena dunia, dan negara-negara di dunia terpaksa menghadapinya walau dengan apa cara sekalipun. Sungguhpun dahulu bahasa Inggeris mungkin telah digunakan sebagai alat untuk menguasai, “untuk mentamadunkan penduduk asal (Phillipson, 1992) dan untuk menjajah minda mereka, namun tidak ada sebab untuk kita percaya bahawa dasar-dasar terdahulu perlu terus mempengaruhi kita. Walaupun pada umumnya kita adalah hasil didikan dan pengalaman masa lalu, namun kita bukan sama sekali tawanan pengalaman ini. Sebagaimana yang disebut oleh Mazrui (1975), “walaupun belajar bahasa Inggeris pastinya akan mengakibatkan sedikit banyak pembaratan, oleh sebab bahasa ialah syarat terpenting untuk kita mengetahui aliran pemikiran sesuatu bangsa,” mereka yang berpendidikan Inggerislah, dan mereka yang boleh bertutur bahasa penjajhlah, yang petah melahirkan sentimen antipenjajah. Oleh itu, terpulanglah kepada kita untuk menggunakan bahasa berkenaan untuk tujuan kita, dan untuk faedah kita sendiri. Terpulanglah kepada kita untuk memikirkan apa yang disebut Pennycook (1994) sebagai “pedagogi kritikal” untuk mengajarkan bahasa Inggeris, pedagogi pengajaran bahasa yang meneroka aspek budaya dan politik dalam pengajaran bahasa agar kita dapat memperkasa pelajar kita. Bagi guru beragama Islam, ini bermakna mempersoalkan amalan pedagogi yang sudah sedia diterima, kerana amalan sedemikian tidak pernah bebas daripada nilai, tetapi penuh dengan tanggapan tentang apa yang “baik”, apa yang “sesuai”, dan apa yang “betul”; dan apa yang “baik”, apa yang “sesuai”, dan apa yang “betul” sentiasa dilihat dari sudut pandangan penutur asli yang merupakan sumber amalan berkenaan. Keduanya, ini juga bermakna mengetahui andaian yang mendasari amalan pedagogi ini agar kita tidak menerima amalan yang tidak sesuai untuk keadaan kita sendiri. Bahawa matlamat pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing yang sering ditetapkan di beberapa banyak negara ialah

komunikasi lisan dengan penutur asli bahasa Inggeris menegaskan hakikat bahawa “preskripsi” sedemikian sebagai pendekatan terbaik bagi pengajaran bahasa jarang kali dipersoalkan, dan diterima walau apa pun konteks sosiobudayanya. Oleh itu penting bagi para guru kita sedar akan implikasi pengajaran bahasa Inggeris dari segi budaya dan politik, kerana hanya dengan demikian mereka mampu mengajarkan bahasa Inggeris dengan cara yang tidak akan menggalakkan pelajar kita menyerap budaya “Inggeris” atau Barat, tetapi dengan cara yang dapat membantu pelajar menggunakan bahasa Inggeris untuk melahirkan identiti dan sudut pandangan Islam mereka. Peranan bahasa Inggeris dalam dunia Islam mesti diperdebatkan secara serius, dan matlamat berdasarkan prinsip Islam tentang isu-isu ini hendaklah dijelaskan supaya generasi muda kita dapat dilatih supaya bijak meminjam, supaya mereka menerima hanya yang berguna secara sejagat, dan menolak unsur-unsur khusus budaya dalam konsep, idea, dan institusi yang dipinjam.

RUJUKAN

- Adaskou, K. D., 1989. Briten, dan B. Fahsi. “Cultural Content of a Secondary English Course for Morocco”. *ELT Journal*, 44:1, hlm. 3–10.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, 1980. *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: ABIM
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, 1996. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Alptekin, C., 1993. “Target Language Culture in EFL Materials”. *ELT Journal*, 47 (4).
- Asmah Haji Omar, 1992. *The Bilingual City of Kuala Lumpur*. Dlm. A. H. Omar (ed.), *The Linguistic Scenery in Malaysia*, hlm. 19–60. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- British Council Annual Report, 1989/1990, hlm. 17 seperti yang dipetik dlm. Phillipson, R. *Linguistic Imperialism*. Oxford: Oxford University Press, 1992, hlm. 6.
- Brown, A., 1977. *Et al.* “Intrusion of a Thematic Idea in Children’s Comprehension and Retention of Stories”. *Child Development*, 48, hlm. 1454–66.
- Chishimba, M. M., 1981. “Language Teaching and Literacy”. *Annual Review of Applied Linguistics*, II, hlm. 171.
- Fernando, L., 1986. *Cultures in Conflict: Essays on Literature and the English Language in South East Asia*. Singapore: Graham Brash.
- Fishman, J. A., Cooper, R. L., dan Conrad, A. W., 1977, (ed.), *The Spread of English*.

- Rowley, Massachusetts: Newbury House.
- Harrel, S. R., 1965. *Et al., A Basic Course in Moroccan Arabic*. Washington: Georgetown University Press.
- Heiman, J. D., 1994. "Western Culture in EFL Language Instruction". *TESOL Journal*, 3 (3). hlm. 4-7.
- Hussain, S. S., dan Asraf, S. A., 1979. *Crisis in Muslim Education*. Jeddah: King Abdelaziz University.
- Kramersch, C., 1993. *Context and Culture in Language Teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Mazrui, A. A., 1968. *Some Sociopolitical Functions of English Literature in Africa*, dlm. Fishman, Ferguson, dan Das Gupta (ed.), seperti yang dipetik dlm. Phillipson, R. 1992.
- Mazrui, A. A., 1971. "Islam and the English Language in East and West Africa". Dlm. W. H. Whitley (ed.), *Language Use and Social Change*. London: Oxford University Press.
- Mazrui, A. A., 1975. *The Political Sociology of the English Language*. The Hague: Mouton.
- Ndebele, N. S., 1987. "The English Language and Social Change in South Africa". *The English Academy Review*, 4. hlm. 1-16.
- Ngugi, wa Thiong'o., 1985. "The Language of African Literature". *New Left Review*, 150, (Mac/April) hlm. 109-27.
- Pennycook, A., 1994. *The Cultural Politics of English as a Second Language*. London: Longman, hlm. 166.
- Phillipson, R., 1992. *Linguistic Imperialism*. Oxford: Oxford University Press.
- Schumann, J. H., 1976. "Social Distance as a Factor in Second Language Acquisition". *Language Learning*, 26, hlm. 135-143.
- Shuman, K. 1994. *Language Learning Journal*, 9, hlm 69.
- Warner, A., 1958. "African Students and the English Background". *English Language Teaching*, XIII/1, hlm.3-7.